

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 8 TAHUN 2017**

**PINDAAN PEKELILING PTG BIL .13/2015 BERHUBUNG DASAR PENGENAAN
PREMIUM KE ATAS PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH KERAJAAN YANG
DIAMBIL BALIK DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 12/2017 yang bersidang pada 07 Jun 2017 melalui Kertas Bil. 12/2017/D 13 (99) telah membuat keputusan meminda keputusan yang telah dibuat berhubung dengan kadar Pengenaan Premium Ke Atas Pemberimilikan Semula Tanah Kerajaan Yang Diambil Balik di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 Untuk Tujuan Pembangunan .

2. Oleh yang demikian, perenggan 1(i) Pekeliling PTG 13/2015 bertarikh 8 September 2015 dengan ini dipinda sebagaimana berikut :-


- (i) Kadar peratusan (%) yang dikenakan daripada harga pasaran(berdasarkan kepada nilai pengambiln) mengikut formula seperti Kaedah 10 Kelantan Land Rules 1966.

Kelulusan Tanah Yang Akan Diberimilik Selepas Pengambilan	Peratusan (%)
a) 1.6187 hektar (4 ekar) atau kurang	5-7
b) 1.6191 hektar (4.001 ekar) atau lebih	10
c) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	Tidak kurang daripada 15

- (ii) Bayaran (fee) pengambilan balik juga melibatkan kos - minima RM10,000.00 bagi 10 pemilik terlibat dan tambahan mengikut jumlah pemilik terlibat seterusnya sebagaimana ditentukan didalam Jadual Kedua-Fee (Kaedah 4) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 1998.

3. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah diminta supaya mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan keputusan tersebut.

4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bil.13/2015 dan berkuatkuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato'Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.3(30)
BERTARIKH : 17 SYAWAL 1438H
11 JULAI 2017**